



MALAYSIA RESEARCH UNIVERSITY NETWORK (MRUN)

GARIS PANDUAN

**SKIM GERAN PEGAWAI PENYELIDIK MRUN
(MROGS) 2023-2025**

1. LATAR BELAKANG SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEGAWAI PENYELIDIK MALAYSIA RESEARCH UNIVERSITY NETWORK (MRUN)

Skim Geran Pegawai Penyelidik MRUN/ *MRUN Research Officer Grant Scheme* (MROGS) merupakan geran yang ditawarkan kepada Pegawai Penyelidik yang telah menubuhkan atau sedang membina kepakaran dan rangkaian penyelidikan mereka. Tumpuan program adalah untuk membangunkan kekuatan penyelidikan dan menyokong latihan serta pembangunan yang lebih formal dalam kolaborasi antara rakan kongsi dalam MRUN. Geran ini dapat menyokong Pegawai Penyelidik dengan menyediakan mereka pembiayaan untuk menubuhkan dan membangunkan kolaborasi dengan rakan sebaya mereka melalui perkongsian ilmu pengetahuan dan keupayaan penyelidikan.

2. OBJEKTIF GERAN PENYELIDIKAN

Projek ini bertujuan untuk mengiktiraf dan menyokong Pegawai Penyelidik untuk membangunkan penyelidikan dengan menghubungkan mereka dengan rakan penyelidikan yang lain di Malaysia.

Matlamat utama MROGS adalah untuk:

- (1) Menyokong pembangunan kapasiti penyelidikan Pegawai Penyelidik melalui kerjasama dan perkongsian pengetahuan.
- (2) Mewujudkan hubungan penyelidikan baharu antara Pegawai Penyelidik dengan rakan dari universiti berbeza di Malaysia, dan dengan potensi untuk keamanan jangka masa panjang.
- (3) Membangunkan kerjasama penyelidikan sedia ada.

3. KRITERIA PERMOHONAN

Jadual 1.0 Butiran Permohonan

TERMA & SYARAT PERMOHONAN	Setiap pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut: <ol style="list-style-type: none">1. Terbuka kepada Pegawai Penyelidik, dengan PhD atau Sarjana dengan pengalaman penyelidikan yang setaraf (3 tahun pengalaman penyelidikan).2. Penyelidik Utama (PI) dan Penyelidik Bersama (Co-PI) mestilah staf berstatus tetap atau kontrak lantikan universiti daripada Universiti masing-masing.3. Penyelidik Utama (PI) mesti bertanggungjawab secara langsung untuk menyediakan kertas cadangan penyelidikan serta menguruskan projek/ geran bersama-sama Co-PI dan bukan sekadar bertindak sebagai perantara.
--------------------------------------	---

	<p>4. Penyelidik Utama (PI) digalakkan untuk memasukkan Pegawai Penyelidik kerjaya awal dalam kertas cadangan mereka.</p> <p>5. Penyelidik Utama (PI) dibenarkan mengetuai hanya satu projek untuk setiap kitaran.</p> <p>6. Ahli akademik boleh menjadi Penyelidik Bersama projek.</p> <p>7. Kerjasama dengan Universiti bukan Penyelidikan (sama ada awam dan swasta) adalah sangat digalakkan.</p>
<p>BIDANG PENYELIDIKAN</p>	<p>Skim Geran Pegawai Penyelidik MRUN (MROGS) bertujuan untuk menyokong bidang penyelidikan yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi dan kebajikan sosial. Skim ini merangkumi sebarang disiplin dalam bidang sains sosial hingga sains dan teknologi.</p> <p>Projek pelbagai disiplin adalah dialu-alukan.</p> <p>Semua kertas cadangan mesti menyatakan dengan jelas hala tuju yang munasabah menunjukkan bagaimana penyelidikan yang dicadangkan boleh memberi impak positif kepada masyarakat dalam jangka masa yang telah ditetapkan (3-15 tahun).</p>
<p>HASIL PENYELIDIKAN</p>	<p>Output ilmiah seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Penerbitan sekurang-kurangnya 1 artikel dalam jurnal terindeks (WoS/ Scopus/ ERA/ MyCITE) atau 2 artikel dalam prosiding terindeks atau 1 bab dalam buku. (b) Penghasilan Harta intelek adalah digalakkan, permohonan pendaftaran harta intelek dan pengkomersialan perlu melalui Pejabat/ Pusat Pemindahan Teknologi (TTO). <p>Hasil penyelidikan termasuk tetapi tidak terhad kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Modul/teknologi baharu 2. Kesan ke atas indeks kualiti hidup 3. Menggalakkan penggubalan dasar berasaskan bukti dan mempengaruhi dasar awam 4. Menghebahkan hasil penyelidikan untuk penglibatan dan kesedaran awam yang lebih luas 5. Penubuhan konsortium penyelidikan jangka panjang yang melibatkan pakar untuk memenuhi kepentingan negara dan mencapai keterlihatan global.

TEMPOH PROJEK	Tempoh maksimum untuk projek ialah 24 bulan.	
SILING GERAN	<p>Maksimum RM30,000.00 setiap projek (peruntukan tahun pertama hendaklah tidak melebihi 50% daripada jumlah yang diluluskan)</p> <p>Peruntukan tahun kedua adalah tertakluk kepada kepuasan dan kelulusan laporan kemajuan projek.</p>	
KUMPULAN WANG PERUNTUKAN	<p><i>Malaysia Research University Network (MRUN)</i></p> <p>Nota: Dana peruntukan adalah bergantung kepada keputusan Jawatankuasa MRUN.</p>	
<p>AGIHAN PERUNTUKAN</p> <p>Semua urusan kewangan adalah tertakluk kepada prosedur dan Polisi Kewangan yang diguna pakai oleh Bendahari setiap universiti. Peruntukan yang dipohon bagi setiap undian hendaklah disenaraikan secara terperinci/lengkap dan disertakan sebut harga.</p>	<p>Vot 21000 Perjalanan dan Pengangkutan</p>	<p>Ini termasuk semua perjalanan domestik dan pengangkutan yang berkaitan dengan projek. Perjalanan ke luar negara hanya dibenarkan untuk kerja lapangan dan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/program sangkutan yang berkaitan dengan projek berdasarkan cadangan yang diluluskan.</p> <p>Destinasi perjalanan mestilah merupakan tempat yang paling sesuai ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi. Perjalanan ke luar negara mestilah mengikut peraturan universiti masing-masing. Untuk menghadiri persidangan/ seminar/ bengkel/ program sangkutan selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah projek dibenarkan. Jumlah perbelanjaan untuk Perjalanan dan Pengangkutan hendaklah tidak boleh melebihi 40% daripada keseluruhan peruntukan geran.</p>
	<p>Vot 24000 Sewaan</p>	<p>Sewaan hanya dibenarkan untuk ruang, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dalam penyelidikan. Setiap</p>

		cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.
	Vot 27000 Bekalan & Bahan Penyelidikan	Perbelanjaan yang berkaitan penyelidikan sahaja yang dibenarkan. Setiap pembelin bekalan/ bahan penyelidikan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.
	Vot 29000 Perkhidmatan Profesional	Perbelanjaan vot ini meliputi perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, pemprosesan data, dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
VIREMENT	<p>Dokumen yang diperlukan untuk virement:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pengesahan daripada Ketua Jabatan/ Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) ii. Justifikasi pindahan kepada peruntukan penyelidikan dan lampiran (jika ada). iii. Penyata kewangan <p>➤ Sekiranya pindahan vot peruntukan melebihi 50% daripada jumlah vot asal, RMC perlu mengemukakan permohonan pindahan bersertakan justifikasi kukuh kepada pihak Urusetia MRUN.</p> <p>➤ Pindahan vot peruntukan hanya dibenarkan sekali setahun.</p>	
LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN	Laporan Kemajuan & Laporan Akhir	<p>1. Laporan Kemajuan Laporan kemajuan fizikal dan perbelanjaan program hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), IPT, setiap enam (6) bulan. RMC hendaklah menyusun dan menyerahkan laporan kemajuan fizikal dan perbelanjaan program/projek kepada Sekretariat MRUN setiap dua belas (12) bulan.</p> <p>2. Laporan Akhir Laporan Penyelidikan akhir hendaklah dikemukakan kepada Sekretariat MRUN melalui RMC dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek.</p>

	Laporan Pencapaian Keseluruhan	Setiap RMC hendaklah mengemukakan jumlah Laporan Pencapaian Program (Kemajuan Program, pencapaian semasa dan perbelanjaan) setiap 12 bulan kepada Urusetia MRUN.
TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN LANJUTAN	Tiada pelanjutan dibenarkan di bawah program ini. Semua tuntutan dan proses pembayaran (bagi pesanan rasmi yang telah diluluskan semasa projek aktif) mesti diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat projek.	

4. KERTAS CADANGAN

Setiap kertas cadangan hendaklah dikemukakan oleh kumpulan penyelidik yang terdiri daripada sekurang-kurangnya **seorang Penyelidik Utama (PI) dan dua (2) orang Penyelidik Bersama (Co-PI)**.

Peranan, tanggungjawab, dan pengagihan kos setiap rakan kongsi/ahli projek mesti dinyatakan dengan jelas dalam kertas cadangan. Co-PI mesti menunjukkan sumbangan aktif kepada pelaksanaan projek. Sekiranya Kumpulan Penyelidik itu melibatkan lebih daripada satu universiti penyelidikan; adalah amat disyorkan supaya PI dan Co-PI menyediakan ikatan perjanjian yang mentakrifkan setiap hak, obligasi teknikal dan kewangan ahli Kumpulan Penyelidik.

Semua permohonan **MESTI** mendapat sokongan daripada Universiti PI dan Co-PI dengan mengemukakan surat sokongan rasmi yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan atau individu yang mempunyai kuasa setaraf dengannya. Surat sokongan mesti menyertakan pernyataan yang menyatakan komitmen terhadap projek yang dicadangkan, kesediaan untuk menerima dan mengurus pembiayaan, dan menerangkan tentang sokongan dalam bentuk yang akan diberikan. PI boleh mengemukakan maksimum dua (2) cadangan penyelidikan dengan syarat projek dan aktiviti yang dicadangkan adalah berbeza.

5. PENGHANTARAN PERMOHONAN

Borang permohonan MROGS beserta dokumentasi yang lengkap haruslah dikemukakan kepada Urusetia MRUN selewat-lewatnya jam **5:00 Petang pada tarikh tutup permohonan 15.09.2023**. Sebarang kelewatan berkaitan penghantaran dokumen permohonan akan menyebabkan permohonan tidak dipertimbangkan untuk proses selanjutnya.

Semua permohonan hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan dokumen sokongan berikut:

- (1) *Curriculum Vitae* (CV) PI dan Co-PI (maksimum 2 muka surat A4 setiap satu; jenis font: Arial; saiz font: 10)
- (2) Borang permohonan;
- (3) Borang penilaian dalaman;

- (4) Borang perakuan penilaian dalaman; dan
- (5) Borang Kebenaran menyertai projek MROGS

Nota: Penyelidik perlu menggunakan borang permohonan dan templat sokongan geran yang betul. Jika tidak, permohonan itu akan dianggap tidak layak.

6. PENILAIAN PERMOHONAN

(1) Penilaian Permohonan Peringkat Universiti (Penilaian Dalaman)

- (a) Penilaian kertas cadangan bagi permohonan projek penyelidikan MROGS hendaklah dilaksanakan di peringkat universiti;
- (b) Pihak universiti perlu melantik Ahli Jawatankuasa Penilaian (Penilai dalaman). Pelantikan penilai dalaman mestilah berpangkat Dr / Profesor Madya.
- (c) Setiap kertas cadangan perlu dinilai sekurang-kurangnya dua (2) orang penilai
- (d) Penilai perlu meneliti kertas cadangan yang dikemukakan mengikut kriteria penilaian yang ditetapkan; dan
- (e) Perakuan RMC perlulah berdasarkan syor dan perakuan panel penilai dalaman yang dilantik di peringkat universiti.

(2) Penilaian Permohonan Peringkat MRUN (Penilaian di peringkat Urusetia)

- (a) Penilaian kertas cadangan projek penyelidikan MROGS akan dilaksanakan di peringkat MRUN;
- (b) Setiap permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- (c) Permohonan yang disenarai pendek oleh MRUN akan dijemput untuk sesi pembentangan.
- (d) Jawatankuasa Penilaian akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai untuk kelulusan MRUN.
- (e) Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang ditetapkan oleh MRUN.

(3) Kriteria Penilaian Permohonan

- (a) Penilaian bertujuan untuk memastikan kualiti kertas cadangan menepati objektif dan bidang penyelidikan yang ditetapkan dalam garis panduan. Penilaian adalah meliputi perkara seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 2.0**. dan ketekalan skim, kualiti dan impak yang dijangkakan.
- (b) Semua cadangan akan dinilai berdasarkan bahagian dan sub-bahagian grid pemarkahan pada skala 1-10 (1= sangat lemah dan 10=cemerlang).
- (c) Semua cadangan akan disenaraikan mengikut jumlah markah mereka. Permohonan pemarkahan tertinggi akan dipilih secara sementara, dan keputusan akan dibuat mengikut ketersediaan dana.

Jadual 2.0 Kriteria Penilaian

No	Description	Score
1.0	Relevance of the Scheme	15
1.1	How relevant is the proposal's objectives/aims to the objectives and priorities of the Scheme?	5
1.2	How relevant is the proposal to the national/regional needs?	5
1.3	Does the proposal indicate the expected results to be achieved?	2
1.4	Are the expected results of the project aligned with the objectives and priorities of the Scheme?	3
2.0	The proposal	55
2.1	Are the activities proposed appropriate, practical, and consistent with the envisaged outputs and outcome(s)?	10
2.2	Does the proposal include credible baseline, targets and sources of verification?	10
2.3	Does the proposed activities logic explain the rationale to achieve the expected results?	10
2.4	Does the design reflect a robust analysis of the problems involved, and the capacities of the relevant stakeholders (if related)?	10
2.5	Is the implementation plan (specified in Gantt chart) clear and feasible?	10
2.6	Is the timeline realistic?	5
3.0	Impact	15
3.1	Does the proposal include a plausible pathway to impact of the proposed project?	5
3.2	Is the plausible pathway to impact clear and sensible?	10
4.0	Budget	15
4.1	Are the activities appropriately reflected in the budget?	10
4.2	Is the estimated cost reasonable?	5
Total		100

7. PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- (1) Surat kelulusan projek MROGS akan dimaklumkan kepada Naib Canselor universiti dan salinan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Bendahari.
- (2) Pembayaran akan dibuat oleh Urusetia MRUN kepada Bendahari/Kewangan Universiti setelah surat kelulusan MROGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian MRUN.
- (3) Keputusan Jawatankuasa Penilaian MROGS adalah muktamad.

8. ETIKA PENYELIDIKAN

Kelulusan yang diperlukan daripada badan-badan berkaitan (seperti Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan, sekiranya berkaitan) wajib disertakan bersama laporan kemajuan pertama iaitu enam (6) bulan selepas projek bermula. Semua yang terlibat dalam pelaksanaan projek perlu mematuhi tatacara dan amalan yang termaktub dalam *Malaysian Code of Responsible Conduct in Research*.

9. DOKUMEN IKATAN PERJANJIAN

Sekiranya Kumpulan Penyelidik itu melibatkan lebih daripada satu universiti penyelidikan; adalah amat disyorkan supaya PI dan Co-PI menyediakan ikatan perjanjian yang mentakrifkan setiap hak, obligasi teknikal dan kewangan ahli Kumpulan Penyelidik.

10. PENGHARGAAN GERAN DALAM OUTPUT PENYELIDIKAN

Semua penerbitan/hasil penyelidikan mesti menyatakan dengan jelas no rujukan geran penyelidikan yang digunakan. Maksimum dua (2) geran dibenarkan untuk dinyatakan dalam penerbitan.

Hanya penerbitan yang dihasilkan selepas geran telah dianugerahkan, dan hasil langsung daripada kerja yang dilakukan dalam program penyelidikan akan diterima sebagai output. Tindakan akan diambil terhadap pernyataan pengakuan yang tidak benar.

Contoh penulisan penghargaan (Acknowledgement):

*This research is supported by MRUN Research Officer Grant Scheme (MROGS)
(xxxxA/B/C-19XXX)*

Proses Penilaian dan Pencalonan

